Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.297-314
e-ISSN: 2600-8726© Clarissa Ruth Ringib & Bilcher Bala
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TRANSFORMASI SOSIAL DAN PEMELIHARAAN BUDAYA MASYARAKAT LUN BAWANG DI LAWAS, SARAWAK, 1928-2024

Social Transformation and Cultural Preservation among the Lun Bawang Community in Lawas, Sarawak, 1928-2024

Clarissa Ruth Ringib[1] & Bilcher Bala[*2]

[1&2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: Bilcher@ums.edu.my

D Dihantar: 16 Ogos 2026 / Penambahbaikan: 3 September 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini membincangkan transformasi sosial dan usaha pemeliharaan budaya masyarakat Lun Bawang di Lawas, Sarawak antara tahun 1928-2024. Kajian bertujuan menjelaskan sistem sosial masyarakat Lun Bawang sebelum kedatangan mubaligh Kristian, menganalisis perubahan yang berlaku selepas perkembangan agama Kristian, serta menilai usaha pemeliharaan sistem sosial dan cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan identiti budaya masyarakat tersebut. Kajian menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif melalui penyelidikan kepustakaan dan analisis sumber sekunder yang terdiri daripada buku, artikel jurnal, majalah, surat khabar serta bahan dalam talian berkaitan masyarakat Lun Bawang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kehidupan tradisional Lun Bawang dibentuk oleh stratifikasi sosial yang membezakan Lun Mebala, Lun Tap-tap dan Lun Dat, di samping sistem kepercayaan, ekonomi pertanian, adat serta struktur kepimpinan komuniti. Perkembangan Kristian kemudiannya membawa perubahan terhadap sistem kepercayaan, pendidikan, literasi, kesihatan, mobiliti sosial dan nilai kehidupan masyarakat. Perubahan tersebut tidak menghapuskan identiti Lun Bawang secara keseluruhan, sebaliknya menghasilkan proses penyesuaian antara unsur baharu dengan adat dan warisan yang masih dipertahankan. Usaha pemeliharaan dilaksanakan melalui kegiatan kebudayaan, pendidikan komuniti, penggunaan bahasa Lun Bawang, pemeliharaan adat serta sokongan organisasi dan institusi masyarakat. Walau bagaimanapun, proses tersebut berhadapan dengan cabaran globalisasi, pemodenan,

migrasi, perubahan demografi, perkahwinan campur dan kekangan ekonomi. Kajian ini berhujah bahawa sejarah sosial Lun Bawang di Lawas memperlihatkan proses transformasi yang bersifat selektif, apabila perubahan agama dan pemodenan berlaku serentak dengan usaha mengekalkan identiti, adat dan kesinambungan budaya masyarakat.

Kata Kunci : Lun Bawang, Transformasi Sosial, Kristian, Pemeliharaan Budaya, Lawas

Abstract

This article examines social transformation and cultural preservation among the Lun Bawang community in Lawas, Sarawak between 1928-2024. The study aims to explain the social system of the Lun Bawang community before the arrival of Christian missionaries, analyse the changes that occurred following the development of Christianity, and assess efforts to preserve the community's social system together with the challenges encountered in sustaining its cultural identity. The study employs a qualitative historical approach based on library research and the analysis of secondary sources, including books, journal articles, magazines, newspapers, and online materials related to the Lun Bawang community. The findings show that traditional Lun Bawang society was shaped by a system of social stratification comprising Lun Mebala, Lun Tap-tap, and Lun Dat, alongside traditional belief systems, an agricultural economy, customary practices, and community leadership structures. The development of Christianity subsequently contributed to changes in belief systems, education, literacy, health, social mobility, and broader patterns of social life. These changes did not completely eliminate Lun Bawang identity but instead produced a process of adjustment between new influences and customs and traditions that continued to be maintained. Preservation efforts have been pursued through cultural activities, community education, the use of the Lun Bawang language, the maintenance of customary practices, and support from community organisations and institutions. Nevertheless, these efforts face challenges arising from globalisation, modernisation, migration, demographic change, intermarriage, and economic constraints. The study argues that the social history of the Lun Bawang in Lawas reflects a process of selective transformation in which religious change and modernisation

developed alongside continuing efforts to preserve identity, custom, and cultural continuity.

Keywords **:** *Lun Bawang, Social Transformation, Christianity, Cultural Preservation, Lawas*

Pengenalan

Masyarakat Lun Bawang merupakan salah satu kelompok bumiputera yang penting di kawasan utara Sarawak, khususnya di Lawas. Kehidupan tradisional masyarakat ini dibentuk oleh sistem sosial yang tersusun melalui stratifikasi kelas, adat, kepercayaan, kegiatan ekonomi dan struktur kepimpinan komuniti. Perkembangan agama Kristian kemudiannya membawa perubahan terhadap beberapa aspek kehidupan tersebut, terutama dalam sistem kepercayaan, pendidikan, kesihatan, literasi dan mobiliti sosial. Pada masa yang sama, perubahan yang berlaku turut mewujudkan keperluan untuk mempertahankan unsur budaya, adat dan identiti yang masih dianggap penting dalam kehidupan masyarakat Lun Bawang.

Kajian ini bermatlamat meneliti transformasi sosial dan pemeliharaan budaya masyarakat Lun Bawang di Lawas, Sarawak. Secara khusus, kajian mempunyai tiga objektif, iaitu menjelaskan sistem sosial masyarakat Lun Bawang sebelum kedatangan mubaligh Kristian; menganalisis perkembangan dan perubahan sosial selepas penyebaran agama Kristian; serta menilai usaha pemeliharaan sistem sosial dan budaya bersama cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan kesinambungannya. Ketiga-tiga objektif ini membolehkan sejarah sosial Lun Bawang diteliti sebagai proses perubahan yang melibatkan penyesuaian antara struktur tradisional, pengaruh agama dan tuntutan pemodenan.

Permasalahan Kajian

Sistem sosial tradisional masyarakat Lun Bawang dibentuk oleh hubungan antara stratifikasi sosial, ekonomi, adat, kepimpinan dan sistem kepercayaan. Pembahagian kepada Lun Mebala, Lun Tap-tap dan Lun Dat memperlihatkan kewujudan hierarki yang membezakan kedudukan individu berdasarkan kekayaan, keturunan, kewibawaan

dan peranan dalam komuniti (Bala, 2005: 22; Datan, 1989: 149). Sistem tersebut tidak hanya menentukan status sosial, tetapi turut mempengaruhi perkahwinan, pemilikan harta, kuasa kepimpinan serta hubungan antara lapisan masyarakat. Pada masa yang sama, adat dan kepercayaan tradisional memberikan kerangka nilai yang mengatur kehidupan harian, manakala kegiatan pertanian dan hubungan dengan persekitaran menjadi asas ekonomi masyarakat (Bala, 1993: 39; Tuie, 1995: 43). Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan terhadap masyarakat tidak boleh dinilai semata-mata melalui penggantian agama atau penerimaan unsur moden, kerana sesuatu sistem sosial terdiri daripada unsur yang saling berkait dan mempunyai tahap ketahanan yang berbeza. Oleh itu, hipotesis utama (universal) kajian ini ialah bahawa perubahan agama dalam sesebuah masyarakat yang mempunyai struktur sosial tradisional tidak semestinya menghapuskan keseluruhan sistem sedia ada, sebaliknya menghasilkan proses penyusunan semula yang selektif apabila sebahagian unsur ditinggalkan, sebahagian diubah dan sebahagian lagi dikekalkan mengikut keperluan masyarakat.

Perkembangan Kristian dalam masyarakat Lun Bawang memperlihatkan bahawa perubahan kepercayaan berlaku serentak dengan pembentukan saluran pendidikan, pembaharuan amalan sosial dan peningkatan kesedaran terhadap kesihatan. Bala menunjukkan bahawa perubahan masyarakat Lun Bawang melibatkan aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan sistem kepercayaan yang bergerak seiring dengan perkembangan Kristian (Bala, 2005: 25). Dalam konteks kehidupan sosial, amalan yang dahulunya memberi penekanan kuat kepada perbezaan kelas, termasuk dalam perkahwinan dan penilaian terhadap kekayaan, semakin berubah sehingga sebahagian batas sosial tradisional menjadi kurang tegas (Bala, 2005: 24). Southwell pula merekodkan perubahan yang berterusan dalam penerimaan Kristian serta pembentukan gereja sebagai ruang sosial dan keagamaan baharu (Southwell, 1999: 116, 119). Perubahan dalam kebersihan, penggunaan alkohol dan kesihatan turut direkodkan dalam pengalaman mubaligh (Southwell, 1999: 96), sementara pendidikan membuka peluang lebih luas kepada generasi baharu untuk meningkatkan kedudukan sosial. Persoalannya ialah sama ada perubahan tersebut berpunca daripada penukaran agama semata-mata atau daripada institusi dan amalan baharu yang berkembang bersamanya. Justeru, hipotesis khusus pertama ialah bahawa Kristianisasi menjadi pemangkin utama transformasi sosial masyarakat Lun Bawang apabila perubahan kepercayaan disertai oleh

perkembangan pendidikan, kesihatan, literasi dan peluang mobiliti sosial yang secara beransur-ansur mengubah stratifikasi, nilai dan pola kehidupan tradisional.

Transformasi yang berlaku kemudiannya menghasilkan persoalan baharu mengenai kesinambungan identiti budaya. Penerimaan pendidikan, mobiliti sosial dan kehidupan moden membawa manfaat kepada masyarakat, tetapi proses yang sama turut mengubah hubungan generasi muda dengan bahasa, adat, pekerjaan tradisional dan ruang komuniti. Globalisasi dan perkembangan teknologi memperluaskan pengaruh budaya luar serta mengubah pola komunikasi dan penyertaan sosial (Buang, 2005: 47), manakala urbanisasi dan migrasi mengecilkan ruang pewarisan pengetahuan antara generasi. Perkahwinan campur pula berpotensi mengubah penggunaan bahasa dan proses pewarisan adat, khususnya apabila bahasa yang lebih dominan digunakan dalam keluarga (Kiyai @ Keai, 2023: 76). Dalam menghadapi keadaan tersebut, pemeliharaan budaya tidak boleh bergantung kepada pengekalan adat dalam bentuk asal semata-mata. Festival seperti Irau Aco Lun Bawang, pendidikan komuniti, penggunaan bahasa dalam acara kebudayaan, dokumentasi tradisi, peranan organisasi masyarakat dan sokongan institusi menunjukkan bahawa pemeliharaan semakin bergantung pada bentuk penyesuaian baharu. Oleh itu, hipotesis khusus kedua ialah bahawa kelangsungan identiti dan budaya Lun Bawang bergantung kepada keupayaan masyarakat menginstitusikan pemeliharaan bahasa, adat, kepimpinan dan warisan dalam bentuk yang dapat menyesuaikan diri dengan pemodenan, sedangkan globalisasi, migrasi, perubahan demografi, perkahwinan campur dan kekangan ekonomi menjadi faktor utama yang melemahkan proses pewarisan budaya.

Sorotan Literatur

Penulisan mengenai masyarakat Lun Bawang banyak memberikan asas untuk memahami struktur sosial, ekonomi, adat dan kepercayaan mereka sebelum perubahan agama yang lebih luas berlaku. Bala menerangkan hubungan rapat antara masyarakat Lun Bawang dan Kelabit serta persamaan dalam aspek sosial, ekonomi, adat dan kepercayaan (Bala, 1993: 21, 39). Datan pula memperincikan struktur sosial Lun Bawang, termasuk kemungkinan mobiliti antara lapisan sosial berdasarkan kekayaan, keupayaan dan kedudukan seseorang

dalam komuniti (Datan, 1989: 149). Tuie mengembangkan gambaran tersebut melalui perbincangan mengenai kehidupan ekonomi, sosial, politik dan adat masyarakat Lun Bawang serta kedudukan sistem kepercayaan dalam kehidupan harian (Tuie, 1995: 23, 43). Literatur ini memperlihatkan bahawa masyarakat Lun Bawang mempunyai sistem sosial yang tersusun dan tidak boleh dianggap sebagai komuniti yang statik. Stratifikasi sosial, kepimpinan, ekonomi pertanian dan adat saling berkait dalam menentukan kedudukan individu serta hubungan antara anggota masyarakat. Konteks tempatan Lawas pula dapat diperjelaskan melalui karya Edwards dan Stevens yang memberikan gambaran sejarah daerah, kehidupan penduduk serta keadaan geografi yang mempengaruhi hubungan antara kawasan pesisir dengan pedalaman. Mereka turut merekodkan keadaan masyarakat Lun Bawang dan cabaran kehidupan di kawasan tersebut, termasuk pengaruh kepercayaan terhadap perjalanan dan kegiatan pertanian (Edwards & Stevens, 1971: 34-38). Bian pula memberikan perspektif pengalaman dari kawasan pedalaman Sarawak, khususnya Lawas dan sekitarnya, serta memperlihatkan hubungan antara perkembangan masyarakat, agama, pendidikan dan perubahan kehidupan tempatan (Bian, 2014: 2, 9). Sementara itu, Jok meneliti perubahan sistem Lati' Ba' di Ba' Kelalan dan respons komuniti terhadap perubahan ekonomi serta budaya (Jok, 2012: 14). Walaupun ruang kajian Jok lebih tertumpu kepada Ba' Kelalan, kajian tersebut penting kerana menunjukkan bahawa perubahan masyarakat Lun Bawang tidak berlangsung secara seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh keadaan geografi, ekonomi dan tindak balas komuniti terhadap pembaharuan.

Kelompok kedua literatur memberikan perhatian khusus kepada Kristianisasi dan perubahan sosial. Bala menunjukkan bahawa perkembangan Kristian berkait dengan perubahan dalam sistem kepercayaan, pendidikan, ekonomi serta hubungan sosial masyarakat Lun Bawang (Bala, 2005: 24-26). Perubahan itu termasuk kelonggaran terhadap sebahagian batas kelas tradisional, perubahan dalam adat perkahwinan serta peningkatan akses kepada pendidikan. Southwell pula mencatatkan perkembangan misi Kristian dan perubahan yang dilihatnya dalam amalan keagamaan, kebersihan, penggunaan alkohol serta pembentukan gereja dan sekolah (Southwell, 1999: 96, 116, 119, 179). Lees turut menggambarkan keadaan kehidupan masyarakat sebelum dan selepas perkembangan misi Kristian serta proses perubahan sosial yang menyertainya (Lees, 1979: 26, 42). Walau bagaimanapun, karya Southwell dan Lees perlu dibaca secara kritis kerana kedua-duanya lahir daripada pengalaman dan sudut pandang

kegiatan missionari. Istilah serta penilaian mereka terhadap kehidupan tradisional tidak semestinya mewakili tafsiran masyarakat Lun Bawang sendiri. Oleh itu, sumber tersebut lebih berkesan apabila dibandingkan dengan penulisan etnografi dan kajian tempatan yang menempatkan perubahan dalam konteks sosial masyarakat.

Literatur mengenai budaya material dan identiti pula menunjukkan bahawa transformasi agama tidak semestinya menyebabkan semua unsur tradisional terhapus. Narayanen dan Chia membincangkan tembikar Lun Bawang dan Kelabit sebagai sebahagian daripada budaya material yang mencerminkan kehidupan serta hubungan masyarakat dengan persekitarannya (Narayanen & Chia, 2013: 27). Hazman et al. meneliti seni manik Lun Bawang di Lawas dan menunjukkan bahawa bahan, motif serta teknik penghasilan mempunyai nilai estetika dan identiti yang tersendiri (Hazman et al., 2020: 43-50). Suut et al. pula memperlihatkan makna yang terkandung dalam motif pakaian tradisional dan peranannya sebagai ekspresi warisan masyarakat (Suut et al., 2022: 1). Literatur ini penting kerana memperlihatkan bahawa budaya tidak hanya dipertahankan melalui adat atau upacara, tetapi juga melalui bahasa, pakaian, seni, kraf dan simbol yang terus diberikan makna dalam keadaan sosial yang berubah.

Aspek identiti kontemporari turut berkait dengan pendidikan, mobiliti dan hubungan rentas sempadan. Mortensen meneliti bahasa Kemaloh Lun Bawang dan memperlihatkan kedudukan bahasa sebagai salah satu unsur penting pembentukan identiti komuniti (Mortensen, 2021: 28). Bian pula menunjukkan bagaimana pendidikan dan pengalaman sosial masyarakat pedalaman membuka ruang kepada mobiliti profesional dan politik yang lebih luas (Bian, 2014: 151). Perubahan ini menunjukkan bahawa pemodenan tidak hanya menghasilkan kehilangan budaya, tetapi turut menyediakan sumber baharu untuk masyarakat menyusun semula identiti mereka. Hal tersebut dapat dilihat apabila bahasa Lun Bawang digunakan dalam penterjemahan teks agama, kegiatan kebudayaan, pendidikan komuniti dan komunikasi organisasi. Dengan demikian, hubungan antara perubahan sosial dan pemeliharaan budaya bersifat dua hala: proses pemodenan boleh melemahkan sebahagian amalan lama, tetapi pada masa yang sama mewujudkan institusi dan teknologi baharu yang dapat digunakan untuk mempertahankan identiti.

Secara keseluruhannya, literatur terdahulu dapat dibahagikan kepada tiga kecenderungan utama, iaitu kajian mengenai struktur sosial dan kehidupan tradisional Lun Bawang, penelitian tentang Kristianisasi dan transformasi sosial, serta penulisan mengenai budaya, identiti dan pemeliharaan warisan. Kajian ini mempertemukan ketiga-tiga kecenderungan tersebut dalam satu kerangka sejarah dengan meneliti bagaimana struktur tradisional mengalami penyusunan semula selepas perkembangan Kristian, bagaimana perubahan pendidikan, kesihatan dan mobiliti sosial membentuk kehidupan baharu, serta bagaimana adat, bahasa, kepimpinan dan budaya material terus dipelihara dalam menghadapi pemodenan. Pendekatan ini membolehkan transformasi masyarakat Lun Bawang difahami bukan sebagai penggantian mudah antara "tradisional" dengan "moden", tetapi sebagai proses perubahan selektif yang berlangsung serentak dengan usaha mempertahankan kesinambungan identiti budaya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah secara kualitatif bagi meneliti perubahan sistem sosial dan pemeliharaan budaya masyarakat Lun Bawang di Lawas. Pengumpulan maklumat dilakukan melalui penyelidikan kepustakaan dengan memberikan tumpuan kepada sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, majalah dan surat khabar yang berkaitan dengan sejarah masyarakat Lun Bawang, perkembangan agama Kristian, perubahan sosial serta budaya masyarakat tempatan. Bahan-bahan tersebut diperoleh melalui rujukan di Perpustakaan Awam Lawas, Perpustakaan Limbang serta koleksi penerbitan yang relevan dengan ruang kajian. Penyelidikan melalui laman sesawang turut digunakan bagi mendapatkan artikel ilmiah dan maklumat tambahan mengenai perkembangan masyarakat Lun Bawang, organisasi komuniti, kegiatan kebudayaan dan usaha pemeliharaan warisan.

Data dianalisis secara tematik dan kronologis berdasarkan tiga fokus utama kajian. Fokus pertama meneliti struktur sosial masyarakat Lun Bawang sebelum perkembangan Kristian dengan memberikan perhatian kepada stratifikasi sosial, sistem kepercayaan, kegiatan ekonomi, adat dan kepimpinan komuniti. Fokus kedua menganalisis perubahan selepas perkembangan Kristian melalui aspek stratifikasi sosial, kepercayaan, pendidikan, literasi, kesihatan dan mobiliti sosial. Fokus ketiga menilai kesinambungan adat, bahasa, kepimpinan dan

budaya serta usaha pemeliharaannya dalam menghadapi globalisasi, pemodenan, perubahan demografi dan cabaran ekonomi. Pengorganisasian tersebut membolehkan perubahan masyarakat Lun Bawang dinilai sebagai proses sejarah yang menghubungkan struktur tradisional, transformasi sosial dan pemeliharaan identiti, sekali gus menyediakan asas untuk menguji ketiga-tiga hipotesis kajian.

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini disusun berdasarkan tiga hipotesis yang menghubungkan struktur sosial tradisional, Kristianisasi dan pemeliharaan budaya masyarakat Lun Bawang di Lawas. Dapatan memperlihatkan bahawa transformasi masyarakat ini tidak berlangsung sebagai peralihan mudah daripada keadaan "tradisional" kepada "moden". Sebaliknya, perubahan berlaku melalui proses penyusunan semula yang melibatkan hierarki sosial, kepercayaan, pendidikan, kesihatan, bahasa, kepimpinan dan mobiliti sosial. Pada masa yang sama, unsur yang dianggap tradisional tidak semuanya hilang setelah Kristianisasi berkembang. Sebahagiannya dilemahkan, sebahagiannya diberi makna baharu dan sebahagian lagi dipertahankan melalui organisasi masyarakat, pendidikan, festival, bahasa serta kebudayaan material. Keadaan ini menunjukkan bahawa perubahan sosial perlu difahami sebagai proses rundingan antara struktur lama dengan institusi baharu, bukannya sebagai penggantian satu sistem secara menyeluruh oleh sistem yang lain.

Struktur Sosial Tradisional dan Logik Perubahan Selektif

Hipotesis utama (universal) menjangkakan bahawa perubahan agama tidak semestinya menghapuskan keseluruhan sistem sosial sedia ada, sebaliknya menghasilkan penyusunan semula yang selektif. Dapatan kajian memberikan sokongan yang kuat terhadap hipotesis tersebut kerana masyarakat Lun Bawang sebelum perkembangan Kristian mempunyai stratifikasi yang nyata melalui kategori Lun Mebala, Lun Tap-tap dan Lun Dat. Namun, struktur tersebut tidak sepenuhnya bersifat kasta yang beku. Kedudukan sosial turut boleh berubah berdasarkan pencapaian, kekayaan, kewibawaan dan pengiktirafan masyarakat. Individu daripada lapisan rendah boleh memperoleh kedudukan lebih tinggi melalui kejayaan material dan penghormatan,

manakala kedudukan seseorang daripada lapisan tinggi juga boleh merosot sekiranya tidak lagi memenuhi jangkaan sosial terhadap statusnya (Bala, 2005: 22; Datan, 1989: 149). Malah, Lun Tap-tap dalam keadaan tertentu boleh memilih pemimpin sendiri apabila seseorang pemimpin dianggap tidak kompeten atau bersifat despotik (Bala, 1993: 40). Justeru, masyarakat tradisional Lun Bawang tidak wajar digambarkan sebagai suatu sistem hierarki yang tidak berubah. Sistem itu mempunyai mekanisme dalaman yang membenarkan penyesuaian sebelum pengaruh Kristian sekalipun.

Walaupun terdapat mobiliti, stratifikasi tetap menghasilkan sempadan sosial yang nyata kerana kekayaan, keturunan dan perkahwinan menjadi mekanisme pembiakan status antara generasi. Lun Mebala dikaitkan dengan pemilikan gong, manik, ternakan, tanah pertanian serta kemampuan mengendalikan upacara dan pesta, menjadikan kekayaan material bukan sekadar sumber ekonomi tetapi juga sumber kewibawaan sosial (Bala, 2005: 22; Bala, 1993: 40). Perkahwinan pula memperkukuhkan sempadan tersebut kerana kesesuaian pasangan sering dinilai berdasarkan kedudukan kelas, manakala golongan demulun berada pada kedudukan paling rendah dalam aturan sosial. Kerbau sebagai berian turut menjadi lambang kemampuan ekonomi dan status keluarga, sebelum kedudukannya sebagai keperluan utama semakin berkurangan dan digantikan dengan bentuk pemberian lain (Bala, 1993: 42; Bala, 2005: 24; Langub, 1982: 11). Perubahan dalam perkahwinan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa transformasi sosial bukan hanya berlaku pada tahap kepercayaan. Apabila ukuran status dalam perkahwinan berubah, asas reproduksi hierarki sosial itu sendiri turut berubah. Dengan kata lain, perubahan agama mempunyai implikasi struktur kerana ia memasuki ruang keluarga, kekayaan dan legitimasi status.

Sistem kepercayaan tradisional juga perlu dibaca dengan lebih berhati-hati. Sumber menunjukkan bahawa petanda daripada burung, ular atau fenomena tertentu mempengaruhi perjalanan, pekerjaan dan kegiatan pertanian masyarakat Lun Bawang (Bala, 2005: 25; Tuie, 1995: 43; Edwards & Stevens, 1971: 34-35). Akan tetapi, bahasa beberapa sumber terdahulu yang menggambarkan kehidupan ini sebagai "primitif", tidak produktif atau berada dalam keadaan yang hampir mengancam kelangsungan komuniti tidak boleh diterima sebagai penilaian neutral. Sebahagian besar gambaran mengenai penggunaan borak, kebersihan dan amalan kepercayaan datang daripada pegawai luar atau penulis yang berkait dengan pengalaman

missionari. Lees misalnya menggambarkan masalah sanitasi dan keadaan tempat tinggal, manakala catatan lain mengaitkan pengambilan alkohol dengan kemerosotan kesihatan dan produktiviti (Lees, 1979: 17, 29; Edwards & Stevens, 1971: 36). Fakta tentang penyakit, kebersihan atau penyalahgunaan alkohol boleh dianalisis sebagai keadaan sosial, tetapi bahasa yang menjadikan budaya tradisional itu sendiri sebagai punca tunggal "kemunduran" perlu ditapis daripada kerangka moral missionari. Kelemahan kesihatan juga berhubung dengan keadaan geografi, kemudahan sanitasi dan akses perubatan, bukan semata-mata kepercayaan masyarakat.

Lebih penting, perubahan yang berlaku kemudian tidak menyebabkan seluruh identiti tradisional terputus. Batas kelas menjadi semakin longgar, beberapa ritual dan kepercayaan lama kehilangan fungsi, tetapi bahasa, adat, seni, muzik, kepimpinan komuniti dan simbol identiti terus dipertahankan atau diberikan fungsi baharu. Dapatan ini memperlihatkan bahawa masyarakat Lun Bawang bukan penerima pasif perubahan agama. Mereka memilih unsur yang boleh disesuaikan dengan keadaan baharu, meninggalkan sebahagian amalan yang semakin tidak praktikal dan mengekalkan unsur yang masih berfungsi sebagai penanda identiti. Atas dasar itu, hipotesis utama diterima. Transformasi sosial Lun Bawang lebih tepat difahami sebagai penyusunan semula selektif, bukan keruntuhan total sistem tradisional. Malah, keupayaan memilih, mengubah dan mengekalkan unsur tertentu merupakan salah satu bentuk agensi masyarakat dalam menghadapi perubahan sejarah.

Kristianisasi, Institusi dan Penyusunan Semula Mobiliti Sosial

Hipotesis khusus pertama menyatakan bahawa Kristianisasi menjadi pemangkin transformasi sosial apabila perubahan kepercayaan disertai perkembangan pendidikan, kesihatan, literasi dan mobiliti sosial. Dapatan menyokong hubungan tersebut, tetapi memperlihatkan bahawa pengaruh Kristian bekerja bukan melalui doktrin keagamaan semata-mata. Perubahan lebih mendalam berlaku apabila misi Kristian menghasilkan jaringan institusi seperti gereja, sekolah, pusat latihan dan kegiatan pendidikan. Perubahan stratifikasi memperlihatkan salah satu kesannya. Batas kelas yang sebelumnya menentukan kelayakan perkahwinan semakin kehilangan kekuatan sosial, sementara nilai individu semakin dikaitkan dengan pendidikan, pekerjaan dan

pencapaian berbanding keturunan atau pemilikan harta tradisional sahaja (Bala, 2005: 24-25). Oleh itu, Kristianisasi bukan hanya menggantikan satu bentuk kepercayaan dengan kepercayaan yang lain. Ia turut membantu memindahkan sumber prestij daripada keturunan dan kekayaan tradisional kepada pendidikan, kebolehan dan kedudukan dalam institusi baharu.

Pendidikan menjadi mekanisme paling ketara dalam perubahan tersebut. Perkembangan sekolah dan kegiatan pendidikan Borneo Evangelical Mission (BEM) meningkatkan peluang celik huruf dan menyediakan jalan kepada pendidikan yang lebih tinggi. Selepas Perang Dunia Kedua, pemindahan pusat BEM ke Buduk Ngeri menunjukkan usaha membina semula struktur pendidikan dan keagamaan di kawasan Lawas. Dalam jangka panjang, peningkatan pendidikan menghasilkan lebih ramai graduan dan individu yang memasuki bidang profesional, pentadbiran serta politik (Bala, 2005: 28). Kemunculan tokoh seperti Baru Bian, yang menjadi antara golongan profesional Lun Bawang dalam bidang undang-undang, memperlihatkan bentuk mobiliti yang berbeza daripada hierarki tradisional (Bian, 2014: 151). Namun, adalah terlalu mudah jika keseluruhan mobiliti sosial tersebut diberikan kepada mubaligh Kristian sahaja. Pendidikan pasca perang, pembangunan infrastruktur, peluang pekerjaan kerajaan, perkembangan ekonomi dan kepimpinan masyarakat tempatan turut menghasilkan ruang mobiliti. Maka, agama menjadi pemangkin institusi, tetapi transformasi sosial berlangsung melalui interaksi antara institusi missionari, pembangunan negara dan tindakan masyarakat Lun Bawang sendiri.

Perubahan kesihatan dan kebersihan juga memberikan bukti penting tetapi memerlukan kritikan sumber yang lebih ketat. Southwell merekodkan perubahan keadaan rumah, sanitasi dan pengurangan pengambilan alkohol, termasuk pemerhatian bahawa kawasan kediaman menjadi lebih bersih dan sebahagian masyarakat menolak minuman keras yang sebelumnya biasa digunakan (Southwell, 1999: 96, 101). Bukti ini menunjukkan perubahan tingkah laku yang nyata dan selari dengan pendidikan kesihatan yang disebarkan oleh mubaligh. Namun, kerana Southwell sendiri menulis daripada pengalaman missionari, naratif "sebelum Kristian" yang digambarkan sangat buruk dan "selepas Kristian" yang digambarkan sebagai pemulihan menyeluruh perlu dibaca sebagai sebahagian daripada retorik misi. Sumber sedemikian mempunyai kecenderungan untuk menghubungkan kejayaan sosial secara langsung dengan kejayaan

"penginjilan" (pendakwahan). Oleh itu, apa yang dapat ditegaskan dengan lebih selamat ialah bahawa institusi missionari menyumbang kepada perubahan kesihatan dan tingkah laku, bukannya membuktikan bahawa agama Kristian secara sendirian merupakan penyebab tunggal seluruh peningkatan kesejahteraan.

Hubungan antara agama dan bahasa memperlihatkan paradoks yang lebih menarik. Kristianisasi menghakis sebahagian kepercayaan tradisional, tetapi pada masa yang sama menghasilkan mekanisme baharu untuk mempertahankan bahasa Lun Bawang. Penterjemahan Kitab Injil sebagai Bala Luk Do dan lagu rohani melalui Nani Ubur menggunakan bahasa tempatan sebagai medium agama. Terjemahan tersebut menjadikan bahasa Lun Bawang bukan sekadar bahasa pertuturan rumah tangga tetapi bahasa teks, ibadah dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa agama yang memperkenalkan perubahan budaya juga boleh menjadi instrumen pemeliharaan unsur budaya tertentu. Justeru, hipotesis khusus pertama diterima dengan pengubahsuaian analitikal bahawa kristianisasi memang menjadi pemangkin penting transformasi, tetapi kesannya berlaku terutamanya melalui pembentukan institusi pendidikan, gereja, literasi, kesihatan dan jaringan sosial, bukan melalui penukaran kepercayaan semata-mata. Agensi masyarakat Lun Bawang dalam menggunakan institusi tersebut untuk pendidikan, mobiliti dan pemeliharaan bahasa merupakan faktor yang sama penting.

Pemeliharaan Budaya sebagai Institusionalisasi Identiti

Hipotesis khusus kedua mengandaikan bahawa kelangsungan identiti Lun Bawang bergantung pada keupayaan masyarakat menginstitusikan pemeliharaan bahasa, adat, kepimpinan dan warisan dalam bentuk yang mampu bergerak bersama pemodenan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemeliharaan kontemporari memang semakin bergantung kepada organisasi, festival, bengkel, pendidikan dan ruang awam. Irau Aco Lun Bawang, pameran budaya serta bengkel muzik, manik dan pakaian tradisional menyediakan ruang bagi generasi muda mengalami budaya yang mungkin tidak lagi dipelajari sepenuhnya melalui kehidupan harian. Penggunaan media sosial dan platform digital oleh organisasi masyarakat pula memperluaskan penyebaran identiti kepada generasi yang hidup di luar kampung tradisional. Ini membawa perubahan penting dalam bentuk pewarisan: budaya yang

dahulu diwariskan melalui keluarga dan komuniti setempat kini semakin dipindahkan kepada festival, persatuan, kurikulum, bengkel dan dokumentasi. Dengan kata lain, pemeliharaan telah mengalami proses penginstitusian.

Namun, penginstitusian tidak semestinya bermaksud semua unsur budaya berjaya diselamatkan dengan kadar yang sama. Festival mudah menonjolkan unsur yang dapat dipersembahkan secara visual seperti pakaian, tarian, muzik, kraf tangan dan makanan. Sebaliknya, bahasa, pengetahuan lisan, nilai kekeluargaan serta pengetahuan adat yang memerlukan penggunaan harian lebih sukar dipertahankan hanya melalui acara tahunan. Tesis sendiri menekankan keperluan penggunaan bahasa Lun Bawang dalam pendidikan, media, dokumentasi dan acara rasmi serta menggalakkan pencatatan cerita dan lagu tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa kelangsungan bahasa bergantung kepada domain penggunaan, bukannya sekadar pengiktirafan simbolik. Jika bahasa hanya digunakan ketika festival tetapi tidak lagi digunakan dalam keluarga, pendidikan komuniti atau komunikasi antara generasi, pemeliharaan menjadi bersifat persembahan tanpa menjamin kesinambungan bahasa sebagai bahasa hidup. Justeru, ukuran kejayaan pemeliharaan tidak sepatutnya terbatas kepada jumlah acara kebudayaan, tetapi perlu melihat sama ada pengetahuan budaya masih dipindahkan secara aktif kepada generasi berikutnya.

Cabaran migrasi, urbanisasi dan perkahwinan campur perlu ditafsirkan dengan nuansa yang sama. Perpindahan generasi muda ke bandar memang mengurangkan interaksi harian dengan anggota tua komuniti dan seterusnya mengecilkan ruang pewarisan pengetahuan secara lisan. Pengaruh media global dan perubahan bentuk komunikasi turut mengubah pola penyertaan dalam kehidupan budaya (Buang, 2005: 47). Dalam tesis, perkahwinan campur turut dibincangkan sebagai cabaran apabila bahasa yang lebih dominan digunakan di rumah sehingga bahasa Lun Bawang semakin kurang diwariskan kepada anak-anak. Kajian tersebut menggunakan karya Kiyai @ Keai mengenai masyarakat Iban sebagai sokongan perbandingan (Kiyai @ Keai, 2023: 76). Secara kritis, sumber itu bukan bukti langsung tentang Lun Bawang, maka dakwaan bahawa perkahwinan campur dengan sendirinya menyebabkan kehilangan budaya tidak boleh dianggap terbukti sepenuhnya. Risiko sebenar terletak pada kegagalan pewarisan, bukan pada perkahwinan campur itu sendiri. Keluarga campuran masih boleh menjadi ruang pengukuhan identiti sekiranya

bahasa, adat dan sejarah keluarga diwariskan secara sedar kepada generasi berikutnya.

Dimensi ekonomi akhirnya menentukan sama ada usaha pemeliharaan mampu bertahan. Penganjuran festival, penghasilan pakaian, alat muzik, kraf tangan, penerbitan bahan dan program pendidikan memerlukan dana, tenaga pakar serta pasaran. Kekurangan pembuat alat muzik atau pengusaha kraf tangan bukan sekadar masalah minat budaya, tetapi juga masalah daya maju ekonomi. Apabila kemahiran tradisional tidak menyediakan pendapatan yang munasabah, generasi muda mempunyai insentif yang lebih rendah untuk mewarisinya. Sebaliknya, komersialisasi melalui festival dan pasaran kraf tangan boleh menyediakan pendapatan serta memperluaskan keterlihatan budaya. Namun, komersialisasi juga membawa risiko apabila unsur budaya dipilih berdasarkan daya jual sehingga makna sosialnya menjadi sekunder. Oleh itu, pemeliharaan yang berkesan memerlukan keseimbangan antara nilai budaya dengan kelangsungan ekonomi. Berdasarkan keseluruhan bukti, hipotesis khusus kedua diterima, tetapi dengan penegasan bahawa penginstitusian sahaja belum mencukupi. Kelangsungan identiti Lun Bawang bergantung kepada hubungan antara institusi formal, pewarisan dalam keluarga, penggunaan bahasa secara hidup, penyertaan generasi muda dan kemampuan menjadikan pengetahuan budaya relevan dalam keadaan sosial serta ekonomi yang berubah.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga hipotesis mendapat sokongan, tetapi dapatan yang paling penting ialah bahawa transformasi Lun Bawang tidak patut diterangkan sebagai kisah satu hala tentang "kemajuan selepas Kristianisasi". Bukti menunjukkan proses yang jauh lebih kompleks: struktur lama telah mempunyai keanjalan tersendiri, Kristianisasi menjadi pemangkin melalui pembentukan institusi, masyarakat tempatan mempunyai agensi dalam menentukan bentuk perubahan, dan pemodenan yang menghasilkan mobiliti sosial juga menghasilkan cabaran baharu terhadap pewarisan budaya. Di sinilah kekuatan hujah artikel ini bahawa perubahan dan pemeliharaan bukan dua proses yang bertentangan, tetapi berlaku serentak dan saling membentuk sepanjang sejarah sosial masyarakat Lun Bawang di Lawas.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa transformasi sosial masyarakat Lun Bawang di Lawas merupakan suatu proses sejarah yang kompleks dan tidak boleh diterangkan sebagai peralihan mudah daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Sistem sosial terdahulu mempunyai struktur tersendiri melalui stratifikasi, kepimpinan, adat, ekonomi dan kepercayaan yang saling berkait. Perkembangan Kristian kemudiannya mengubah sebahagian daripada struktur tersebut melalui perubahan nilai, pendidikan, kesihatan, literasi dan mobiliti sosial. Namun, perubahan tersebut tidak menyebabkan keseluruhan budaya Lun Bawang terhapus. Sebaliknya, sebahagian unsur lama mengalami penyusunan semula, sebahagian kehilangan fungsi, manakala unsur yang berkaitan dengan bahasa, identiti, adat, seni dan kepimpinan terus dipertahankan dalam bentuk yang disesuaikan dengan keadaan semasa.

Pengujian terhadap hipotesis utama menunjukkan bahawa hipotesis tersebut diterima. Perubahan agama tidak menghapuskan keseluruhan sistem sosial tradisional secara serta-merta, tetapi menghasilkan proses perubahan yang bersifat selektif. Stratifikasi sosial tradisional semakin longgar, sebahagian amalan kepercayaan kehilangan pengaruh dan beberapa ukuran status berubah, tetapi masyarakat Lun Bawang tetap mengekalkan unsur budaya yang dianggap penting kepada pembentukan identiti komuniti. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat bukan penerima pasif kepada perubahan luar. Mereka mempunyai keupayaan memilih, menyesuaikan dan memberikan makna baharu kepada unsur budaya berdasarkan keadaan sosial yang berubah. Oleh itu, transformasi sosial lebih tepat dilihat sebagai proses rundingan antara kesinambungan dengan perubahan.

Hipotesis khusus pertama turut diterima, tetapi dengan penegasan bahawa Kristianisasi tidak seharusnya dianggap sebagai satu-satunya punca perubahan sosial. Perkembangan Kristian menjadi pemangkin yang penting kerana ia bergerak bersama pembentukan gereja, pendidikan, literasi, kesedaran kesihatan dan jaringan sosial baharu. Institusi tersebut memperluaskan peluang kepada masyarakat Lun Bawang untuk memperoleh pendidikan, meningkatkan kedudukan sosial dan memasuki bidang pekerjaan yang lebih pelbagai. Pada masa yang sama, pembangunan pasca perang, kemudahan kerajaan, perubahan ekonomi dan tindakan masyarakat sendiri turut

menyumbang kepada transformasi tersebut. Dengan demikian, hubungan antara Kristianisasi dengan perubahan sosial lebih tepat difahami melalui kesan institusi yang berkembang bersamanya daripada melalui perubahan kepercayaan semata-mata. Hipotesis khusus kedua juga diterima apabila kajian menunjukkan bahawa kesinambungan identiti Lun Bawang semakin bergantung kepada usaha pemeliharaan yang terancang dan terinstitusi. Festival kebudayaan, organisasi masyarakat, pendidikan komuniti, dokumentasi adat, penggunaan bahasa, kegiatan seni dan sokongan institusi menyediakan ruang baharu untuk mewariskan budaya kepada generasi muda. Namun, pemeliharaan yang hanya bersifat simbolik tidak mencukupi. Bahasa, pengetahuan adat dan nilai budaya hanya dapat bertahan sekiranya terus digunakan dalam kehidupan keluarga dan komuniti. Globalisasi, migrasi, perubahan demografi, perkahwinan campur dan tekanan ekonomi pula tidak semestinya menghapuskan identiti secara langsung, tetapi boleh melemahkan proses pewarisan apabila hubungan antara generasi semakin berkurangan. Cabaran utama sebenarnya terletak pada kemampuan memastikan budaya terus dipraktikkan, bukan sekadar dipersembahkan.

Secara keseluruhannya, sejarah sosial masyarakat Lun Bawang di Lawas memperlihatkan bahawa transformasi dan pemeliharaan bukan dua proses yang saling bertentangan. Kelangsungan identiti Lun Bawang bergantung kepada kemampuan masyarakat menyesuaikan adat, bahasa, kepimpinan dan kebudayaan dengan tuntutan semasa tanpa kehilangan makna asasnya. Oleh itu, kekuatan masyarakat Lun Bawang tidak terletak pada usaha mengekalkan seluruh tradisi dalam bentuk asal, tetapi pada keupayaan mengubah, memilih dan menginstitusikan unsur budaya yang terus relevan sebagai asas identiti serta kesinambungan komuniti.

Penghargaan

Artikel ini diolah dan dikembangkan daripada hasil penyelidikan Latihan Ilmiah pelajar Program Sejarah. Penghasilan manuskrip ini merupakan usaha kolaboratif bersama Prof. Madya Dr. Bilcher Bala selaku penyelia, yang telah menyumbangkan idea, semakan terperinci, serta komitmen penuh dalam menyunting dan mempertingkatkan kualiti artikel ini sehingga berjaya diterbitkan.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Langub, J. 1982. Economic Activities of the People of Ba Kelalan: An Overview. *Sarawak Gazette*. Vol. CX (1487).

Buku dan Jurnal

Bala, B. (1993). Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak. *Jebat*. Vol. 21: 21-54.

Bala, B. (2005). Menyingkap Perubahan Sosial di Kalangan Masyarakat Lun Bawang. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. Bil. 10: 15-36.

Bian, B. (2014). *The Long Awakening*. Kuching: Self-Publishing.

Buang, A. (2005). Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Budaya Bandar Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*.

Datan, I. (1989). A Brief Ethnography of the Lun Bawang of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*. Special Issue. Vol. XL (61): 143-156.

Edwards, L. & Stevens, P. W. (1971). *Short Histories of the Lawas and Kanowit Districts*. Borneo Literature Bureau.

Hazman, M. N. H., Ramli, H. & Said, T. S. (2020). Keindahan Seni Manik Etnik Lun Bawang di Lawas, Sarawak. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*. Vol. 6 (1): 43-52.

Jok, D. (2012). *Lati' Ba' System of the Lun Bawang in Ba' Kelalan: Change and Community Responses*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sarawak.

Kiyai @ Keai, G. (2023). Faktor dan Kemunduran Artifak Budaya dalam Masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Perspektif*. Vol. 15 (1): 67-79.

Lees, S. (1979). *Drunk Before Dawn*. Upstream Publishing.

Mortensen, C. J. (2021). *The Kemaloh Lun Bawang Language of Borneo*. Tesis PhD. University of Hawai'i at Manoa.

Narayanen, S. & Chia, S. (2014). Lun Bawang and Kelabit Potteries of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*. LXXIII (94): 25-40.

Southwell, C. H. (1999). *Uncharted Waters*. Calgary: Astana Publishing.

Suut, B. et al. (2022). Estetika dan Makna Motif Pakaian Tradisional Masyarakat Kaum Lun Bawang. *The International Journal of Arts, Culture & Heritage (iJACH)*. Vol. 7: 1-19.

Tuie, M. (1995). *Masyarakat Lun Bawang, Sarawak: Suatu Pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.